

SEMPENA KONVOKESYEN KHAS PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PEMIKIRAN ISLAM

DEWAN TUANKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA, 30 JANUARI 2004

Terlebih dahulu patek ingin menyatakan rasa terhormat kerana kehadiran Tuanku di Konvokesyen Khas yang diadakan ini. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Universiti Malaya yang telah sudi menganugerahkan kepada saya Ijazah Kehormat Doktor Pemikiran Islam (Doctor of Islamic Thought). Saya berasa amat terhormat dengan anugerah ini.

2. Hari ini dunia berpendapat dan orang Islam perlu akui bahawa Islam, umat Islam dan negara-negara Islam berada dalam keadaan tenat dan cemas. Negara- Negara Islam semuanya lemah; tidak ada satu pun daripada negara Islam yang dianggap sebagai negara maju, jauh sekali menjadi kuasa dunia.

3. Masyarakat Islam pula mundur dan menghadapi pelbagai jenis masalah sosial. Rakyat yang beragama Islam bersengketa, berpecah dan tidak bekerjasama memajukan kaum dan agama. Ramai yang miskin, daif dan tidak berpelajaran. Jenayah, penyalahgunaan dadah, keganasan, melanda masyarakat Islam.

4. Pemerintahan negara Islam biasanya tidak berkeupayaan mentadbir dengan baik. Kerap terdapat pemerintahan kuku besi, samada feodal atau bukan feodal. Rakyat ditindas, kekayaan negara dirampas atau dibolot oleh mereka yang berkuasa, pembangunan tidak setimpal dengan kekayaan. Perpisahan antara yang miskin dengan yang kaya amat jauh; yang miskin terlalu miskin dan yang kaya terlalu kaya.

5. Umat Islam terbahagi kepada bermacam-macam kumpulan dengan fahaman agama yang amat berbeza. Demikianlah perbezaan kepercayaan akan apa dianya agama Islam dan ajaran Islam sehingga masing-masing mendakwa hanya kepercayaan mereka sahaja yang Islam dan kepercayaan puak-puak Islam lain adalah tidak Islam, atau kurang Islam. Kerana ini mereka bermusuhan sesama mereka sehingga bunuh-membunuh dan berperang.

6. Perbezaan pendirian politik di kalangan orang Islam juga membawa kepada perpecahan, permusuhan dan tuduh-menuduh sehingga ke peringkat mendakwa musuh politik duniawi sebagai tidak Islam, murtad dan sebagainya.

7. Sesungguhnya keadaan agama Islam, umat Islam dan Negara Islam amatlah buruk dan cemas. Musuh-musuh Islam mendakwa bahawa semua ini disebabkan oleh agama Islam. Mereka dengan lantang berkata bahawa agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad adalah agama yang mengajar penganutnya menjadi pengganas, bahkan Nabi Muhammad sendiri adalah pengganas. Mereka mendakwa agama Islam menghalang kemajuan dan menyebabkan umat Islam menjadi kolot, mundur dan lemah.

8. Apakah benar agama Islam yang membawa nasib malang kepada orang Islam? Apakah benar malapetaka yang menimpa orang Islam dan agama Islam adalah kehendak Tuhan dan telah ditakdirkan Allah S.W.T? Apakah benar dunia ini dengan nikmat yang banyak yang dikurniakan Allah S.W.T. adalah untuk orang bukan Islam

dan tidak ada hazzanah bagi umat Islam di dunia? Mereka akan menerima ganjaran secara hak di akhirat sahaja.

9. Jika benar pendapat ini kenapakah apabila kaum Arab Jahiliah menerima Islam, nasib mereka berubah sehingga mereka berjaya mendirikan satu tamaddun dunia yang tidak ada tolok bandingannya, yang kekal selama 1300 tahun? Kenapakah umat Islam di zaman kegemilangan tamaddun Islam dihormati dan digeruni oleh musuh Islam? Kenapakah negara-negara Islam bukan sahaja dapat dibangunkan dan dipertahankan daripada serangan musuh, tetapi dapat diperluaskan wilayah sehingga meliputi negara-negara benua Eropah? Kenapakah terdapat di kalangan orang Islam cerdik pandai yang berjaya menerokai pelbagai jenis ilmu selain daripada yang berkaitan dengan agama Islam?

10. Semua yang berlaku semasa zaman kegemilangan tamaddun Islam adalah bukti jelas bahawa agama Islam mampu membangun dan memajukan umat Islam dan Negara Islam. Kenapakah di zaman ini ternampak seolah-olah agama Islam tidak mampu? Apakah tenatnya dan terhinanya agama Islam dan umat Islam disebabkan oleh agama Islam atau ada faktor-faktor yang lain?

11. Agama adalah kepercayaan kepada kuasa besar yang menentukan segala-galanya yang berlaku dalam dunia yang memberi kesan kepada kehidupan manusia dan segala makhluk yang ada. Dalam agama Islam kuasa ini tidak dapat dikesan dan dibuktikan melalui pancaindera dan akal fikiran. Namun kepercayaan bahawa adanya kuasa ini menjadi asas kepada kepercayaan orang Islam. Pengakuan yang dibuat oleh orang Islam ialah dalam bentuk dua kalimah syahadat iaitu Tidak ada Allah melainkan Allah (Laillaha Illallah) dan Muhammad adalah RasulNya (Muhammadurrasulallah). Pengakuan ini menjadikan seseorang itu orang Islam. Selain itu adalah pegangan kepada Lima Rukun Islam dan Rukun Iman, kepada amalan ibadat-ibadat yang wajib dan kepercayaan bahawa kitab Al-Quran dan isi kandungannya adalah daripada Allah S.W.T. Hadith dan Sunnah Nabi diterima bagi menjelaskan lagi akan ajaran Islam dan amalannya.

12. Yang menjadi masalah ialah isi kandungan ajaran Islam dalam Al-Quran dan Hadith hanya boleh diketahui oleh orang Islam melalui tafsiran dan ajaran oleh pentafsir-pentafsir melalui kitab-kitab mereka dan ajaran secara langsung oleh guru-guru agama. Mereka yang faham bahasa Arab pun memerlukan tafsiran dan ajaran oleh guru-guru yang telah mempelajari agama Islam. Ini adalah oleh kerana selain daripada yang "fundamental" yang disebut tadi yang mudah difaham, terdapat ajaran-ajaran dalam Al-Quran dan juga Hadith dalam bentuk perumpamaan dan cerita-cerita kisah Nabi-Nabi yang terdahulu daripada Muhammad dan beberapa peristiwa di zamannya. Tafsiran akan perumpamaan dan cerita-cerita ini bergantung kepada kefahaman, keadaan dan latar belakang pentafsir-pentafsir. Oleh kerana faktor-faktor ini berbeza-beza mengikut tempat, masa dan ketinggian ilmu pentafsir, maka tafsiran yang dibuat oleh mereka juga berbeza-beza. Faktor politik semasa juga mempengaruhi tafsiran yang dibuat.

13. Kita tidak dapat menolak peranan pentafsir-pentafsir dan guru-guru agama dan kitab-kitab yang ditulis oleh ulama-ulama yang muktabar. Tanpa mereka tentulah fahaman ajaran Islam hasil pemikiran individu akan lebih banyak berbeza. Tetapi hakikatnya ialah semua ulama, walaupun pengetahuan agama mereka amat mendalam dan meluas, masih terdiri daripada manusia biasa. Bahawa mereka didakwa sebagai pewaris Nabi tidak bermakna mereka bebas daripada kecacatan manusia seperti Nabi bebas dan maksum. Lagi pun bukan semua yang dianggap ulama atau mendakwa diri

sebagai ulama mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkenaan dengan agama sehingga mereka tidak mungkin silap. Ada juga di antara mereka yang mempunyai kepentingan tertentu, termasuk kepentingan politik. Tentulah ada kemungkinan tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh sejumlah daripada ulama-ulama ini tidak tepat dan salah. Jika tafsiran yang salah ini diterima sebagai benar dan diamalkan oleh orang Islam, maka tentulah kebaikan daripada agama Islam tidak akan dinikmati oleh penganut Islam. Tidaklah keterlaluan jika kita meramal bahawa nasib malang yang menimpa orang Islam sekarang disebabkan mereka tidak memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Apa yang mereka percaya sebagai ajaran Islam hanyalah tafsiran mengikut pengertian pentafsir tertentu.

14. Menolak tafsiran tidak bermakna menolak agama Islam. Semua umat Islam menolak pelbagai tafsiran dan menerima hanya tafsiran yang dibuat oleh ulama puak mereka sahaja. Demikian orang Sunni menolak tafsiran ulama Syiah dan sebaliknya. Jika menolak tafsiran menyebabkan seorang Islam murtad maka semua orang Sunni dan Syiah adalah murtad. Ini tidak dapat diterima kerana ini akan menghapuskan agama Islam.

15. Justeru itu adalah penting kajian yang mendalam dan berilmiah dibuat berkenaan tafsiran-tafsiran yang berbeza dan mengelirukan. Dengan perkataan lain ijtihad perlu diadakan yang melibatkan bukan sahaja pakar-pakar agama tetapi juga pakar-pakar dalam bidang lain.

16. Penglibatan pakar dalam bidang-bidang selain daripada agama diperlukan kerana ilmu yang ada pada manusia sudah maju dengan pesat. Kita tidak dapat tolak ilmu-ilmu ini kerana penolakan mungkin membawa kesan buruk kepada umat Islam dan agama Islam.

17. Alhamdulillah sedikit sebanyak ilmu-ilmu lain telah diterima dan telah memberi banyak kebaikan kepada orang Islam. Di zaman Nabi tidak ada pemindahan darah daripada seorang kepada seorang lain, yang mungkin tidak menganut agama yang sama. Ulama-ulama telah meneliti dan membincang rawatan yang mengguna darah ini dan membuat keputusan ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh dilakukan kerana ia menyelamatkan nyawa. Demikian juga dengan perancangan keluarga dengan cara-cara tertentu – ia dibenarkan.

18. Tetapi sekarang ini ahli sains telah menentukan bahawa tiap seorang daripada 6 bilion manusia di dunia bukan sahaja mempunyai cap jari yang unik, tetapi DNA mereka juga unik. Dan DNA ini terdapat dalam semua bahagian tubuh badan dan keluaran darinya. Dengan menggunakan DNA kita dapat tentukan individu yang terlibat dengan sesuatu jenayah umpamanya.

19. Soalnya ialah apakah kita akan tolak bukti daripada DNA kerana kita tidak mempunyai saksi-saksi tertentu? Islam menekankan akan pentingnya keadilan. Al-Quran menyuruh apabila kita menghukum, hukumlah dengan adil. Jika perogol dan pembunuh kanak-kanak dapat dikesan dan dikenalpasti melalui DNA, apakah kita akan membebaskannya kerana tidak ada saksi akan kejadian ini? Apakah pembebasannya menepati kehendak agama bahawa apabila menghukum hukumlah dengan adil?

20. Apakah proses pengadilan lebih utama daripada keadilan? Dalam Al-Quran diceritakan berkenaan dengan Nabi Yusuf dan Zulaikha, di mana koyaknya baju Yusuf

di sebelah belakang diterima sebagai bukti bahawa Zulaikha yang mengejar Yusuf dan bukan sebaliknya. Jika kita tidak berpandangan tertutup maka tentulah jelas "circumstantial evidence" diterima dalam Islam untuk pengadilan. Tetapi kita tahu ada pentafsir yang menolak keadilan kerana ingin menegakkan proses. Oleh kerana mereka berpegang kepada tafsiran pihak-pihak tertentu secara fanatik maka agama Islam tercemar kerana dilihat sebagai tidak adil.

21. Penglibatan pakar-pakar dalam bidang yang lain daripada agama jelas penting. Dalam bidang pertahanan kita perlu pendapat daripada pakar-pakar dalam bidang ini. Demikian juga dalam lain-lain bidang termasuk perubatan dan sebagainya. Jika tafsiran yang berbeza-beza dan yang menghalang nikmat Allah daripada dinikmati oleh umat Islam dikaji semula dan ditentukan ketepatan tafsiran ini, maka besar kemungkinan perpecahan di kalangan umat Islam diatasi dan malapetaka dapat dielak atau dikurangkan.

22. Kepincangan yang terdapat dalam masyarakat Islam seperti jenayah, penipuan, rasuah, penyalahgunaan dadah, rogol termasuk merogol dan membunuh kanak-kanak tetap bukan kerana agama Islam. Yang perlu disoal siasat ialah apakah kita menyampaikan ajaran Islam dan menyemai nilai-nilai Islam yang sebenar di kalangan anak-anak kita. Tidak mungkin seorang yang kuat pegangannya kepada ajaran Islam kerana dididik daripada kecil akan melakukan jenayah yang dahsyat, tidak bersopan, suka memaki hamun, tidak menghormati orang lain terutama orang yang lebih tua, ibu-bapa dan ketua masyarakat.

23. Setakat yang kita tahu keutamaan dalam pelajaran agama Islam ialah fardhu ain iaitu ibadat-ibadat yang memberi pahala kepada diri sendiri. Doa meminta pertolongan dan nikmat daripada Allah S.W.T. diberi tekanan tetapi tidak kepada kesyukuran akan nikmat yang diterima, tidak kepada usaha yang perlu dibuat untuk menolong diri sendiri. Sebaliknya kita tahu usaha sendiri dituntut dalam Al-Quran. Memberi tidak diutamakan berbanding dengan menerima, walaupun jelas pemberi yang mendapat pahala lebih daripada penerima. Kesyukuran, iaitu berterima kasih kepada Tuhan dan kepada pemberi ditafsir secara yang salah dengan sengaja kerana kepentingan tertentu.

24. Fardhu kifayah sebagai ibadat yang diwajibkan ke atas orang Islam biasanya tidak dijelaskan kepada murid dan penuntut. Kerap kali fardhu kifayah terhad kepada urusan kematian, seperti doa dan talkin. Bahawa kegagalan membekal keperluan masyarakat Islam dengan kemudahan makanan dan perubatan, pertahanan, keselamatan akan menyebabkan semua anggota masyarakat menanggung dosa tidak dijelaskan dan ditekan. Bahawa mereka yang membekalkan keperluan ini sebenarnya membuat ibadat juga jarang disebut.

25. Nilai-nilai hidup Islam yang mulia dan dapat membentuk peribadi yang mulia, yang dapat menolak kejahatan dan jenayah, membangun persahabatan terutama sesama orang Islam, membuat kerja kebajikan, memberi dan tidak ghairah meminta-minta dan menerima, berdisiplin, mengelak perasaan benci-membenci, menghormati ibu bapa, orang tua dan pemimpin yang berkuasa, tidak mencetuskan kekacauan dan huru-hara – semua nilai-nilai ini tidak dijelaskan dan ditekan semasa mendidik anak-anak Islam. Sebaliknya nilai yang bukan Islam diajar kepada mereka seperti membenci orang tertentu, bermusuhan dengan orang Islam lain, melempar fitnah, dan lain-lain yang boleh menjadikan seseorang itu, apabila dewasa, gagal mengawal perasaan, mudah terlibat dengan jenayah, tidak tahu hormat-menghormati antara satu dengan

yang lain. Tidak hairanlah jika hari ini kepincangan dalam masyarakat Islam sukar dikawal. Sebabnya ialah ajaran Islam tidak pun diajar, jauh sekali daripada diamalkan. Sekali lagi yang salah bukan Islam tetapi salah ajaran agama.

26. Yang jelas daripada semua ini ialah ajaran Islam yang sebenar, berkenaan pemerintahan, pembangunan masyarakat atau individu diketepikan dan diganti dengan tafsiran dan ajaran yang negatif yang membawa kepada kelemahan dan kegagalan negara, masyarakat dan individu Islam. Jika ajaran agama Islam ditafsir dengan tepat dan diajar kepada masyarakat Islam, tidak dapat tidak mereka akan berjaya, berdaya tahan dan dihormati oleh dunia. Islam tidak akan dikait dengan kegagalan dan keganasan. Dan Kegemilangan Islam dan umat Islam mungkin kembali.

27. Pemimpin agama gemar mendakwa bahawa kepercayaan kepada agama tidak boleh disoal. Akal fikiran tidak ada peranan dalam agama. Ini memang benar. Tetapi menyoal tafsiran agama tidak bermakna menyoal agama. Tafsiran adalah hasil penilaian dan kefahaman manusia biasa. Ia bukan semestinya sama dengan agama. Justeru itu mengkaji dan mentafsir semula tafsiran yang berbeza-beza dan merugikan tidak bermakna menolak agama atau menyoal kepercayaan kepada agama. Akal fikiran boleh menolong dalam mengkaji tafsiran.

28. Asas atau fundamental Islam seperti kepercayaan kepada Allah dan Muhammad sebagai PesuruhNya, rukun Islam dan rukun Iman, Al-Quran dan Hadith tetap tidak boleh dipertikaikan. Tetapi oleh kerana tafsiran berkenaan isi kandungan Al-Quran dan hadith terdedah kepada kelemahan pentafsir, besar kemungkinan orang Islam tidak mendapat nikmat daripada agama mereka.

29. Pemikiran memang mempunyai tempat dan peranan dalam mengkaji tafsiran Islam. Kuasa memikir adalah kurniaan Tuhan yang membezakan manusia daripada haiwan. Tidak menggunakan akal fikiran bagi mengkaji dan mengesahkan tafsiran yang dibuat oleh manusia biasa walau bagaimana alim sekalipun bermakna menolak kurniaan Allah S.W.T. kepada umat manusia untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.

30. Inilah peranan akal fikiran dalam Islam, bukan untuk menyoal samada Islam agama Allah atau tidak, tetapi untuk menyoal tafsiran-tafsiran dan ajaran yang disampaikan kepada umat Islam oleh pentafsir-pentafsir tertentu, menyoal akan kebenaran dan kesahihan ajaran mereka untuk mengelak daripada kesesatan.

31. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaya di atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pemikiran Islam ini.